

# KABINET LULUS KPKT AMBIL ALIH PPR LEMBAH SUBANG 1



Majlis Pelancaran 23 buah lif Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 21 Mei 2017.

KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM16 juta bagi membina 23 unit lif yang dilengkapi kad akses keselamatan di PPR Lembah Subang 1. Projek membina lif itu dijangka mengambil masa antara lima (5) hingga enam (6) bulan untuk disiapkan.

Semasa majlis, YB Tan Sri Noh memaklumkan bahawa Kabinet melalui Mesyuarat Kabinet pada 17 Mei 2017 telah memberi kelulusan kepada

KPKT untuk mengambil alih pengurusan PPR Lembah Subang 1 daripada kerajaan negeri Selangor.

Dalam masa yang sama, KPKT sedang mengkaji tuntutan berjumlah RM60 juta yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor memandangkan PPR tersebut dibina atas tanah milik KPKT.

KPKT juga akan mengemukakan tuntutan balas sekiranya Kerajaan Negeri Selangor masih meneruskan tindakan menuntut bayaran RM60 juta itu. Tuntutan balas itu dianggarkan berjumlah RM35 juta yang merangkumi kadar sewa bagi 3,000 unit kediaman mulai 2008 hingga kini.

Selain itu, KPKT akan mengemukakan tuntutan sebanyak RM28 juta bagi kerja-kerja membaik pulih yang dilaksanakan di PPR Lembah Subang.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT